

SPE RAI 7 PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN 15 ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI 2006

Tanggal 18 December 2007, bertempat di Dewan Kuliah Perdana, Universiti Malaysia Sabah telah berlangsung majlis penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT) tahun 2006 yang telah menyaksikan 7 orang kakitangan SPE telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun penilaian 2006. Majlis yang diadakan adalah bagi memberi pengiktirafan terhadap seluruh kakitangan UMS terhadap sumbangan yang diberikan dalam mempertingkatkan kecemerlangan universiti. Anugerah telah di sampaikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin yang turut menyaksikan keseluruhan penerima kedua-dua anugerah berjumlah 434 orang. Majlis kali ini juga

turut meraikan persaraan 6 kakitangan UMS yang bersara wajib.

Senarai 7 kakitangan SPE yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 terdiri daripada;

- En. Dullah Muluk
- En. Rozilee Asid
- Dr. Wong Hock Tsen
- Awg. Suhaizan Awg. Suong
- Dr. Jeniffer Chan Kim Lian
- Pn. Sidah Idris
- PM Dr. Remali Yusof

Turut menerima pengiktirafan atas kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan sepanjang tahun 2006 adalah seramai 15 orang kakitangan dari Sekolah Perniagaan & Ekonomi yang menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji.